

# *Peringkat akhir sedia draf URA*

**Hong Kong:** Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) kini di peringkat akhir menyediakan draf Akta Pembaruan Semula Bandar (URA) Malaysia yang pertama, dijangka dibentangkan di Parlimen tidak lama lagi, kata menterinya, Nga Kor Ming.

Beliau berkata, sehingga peringkat ini, kementeriannya mengadakan banyak sesi dialog awam dengan pelbagai pihak berkepentingan termasuk Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan kerajaan negeri lain.

“Melalui Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia), kita sudah menyiapkan garis panduan utama pembangunan semula bandar bagi Malaysia dan ia telah

diluluskan oleh Kabinet pada 2023.

“KPKT bekerjasama rapat dengan pelbagai agensi terutamanya bahagian penyediaan draf dari jabatan Peguam Negara untuk menyediakan undang-undang terbabit,” katanya dalam temu bual eksklusif dengan Bernama dan The Edge semasa Lawatan Pengkaji Asia Hartanah (AREL) di Hong Kong dan Shenzhen, Edisi China.

Lawatan terbabit dianjurkan oleh Institut Rehda, bahagian penyelidikan dan latihan Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan (Rehda) Malaysia dengan lebih 50 wakil melawat pelbagai tapak unik, merangkumi pembangunan semula bandar dan dasar perumahan awam serta undang-undang strata.